

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU406 - Seminar Sosiologi Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Soalan (1) **MESTI** dijawab. Pilih **DUA** soalan berikutnya.

SOALAN WAJIB

1. Pilih satu masalah yang ada hubungan dengan 'Sosiologi Pembangunan' di Malaysia sejak 1945 hinggalah 1990. Setelah itu jawab soalan-soalan berikut;
 - [a] Tuliskan satu rangka penyelidikan (research design) untuk fenomena yang anda pilih.
 - [b] Pilih satu pengarang yang telah menyelidik tentang masalah yang anda pilih dan huraikan sumbangan pengarang ini dalam analisisnya.
 - [c] Sejauhmanakah kemajuan 'Sosiologi Pembangunan' di Malaysia berbanding dengan kemajuan perspektif sistem-dunia moden?
 - [d] Apakah penekanan yang diberi dalam kursus ini?
 - [e] Apakah erti pembangunan mengikut fenomena yang anda pilih?

[40 markah]

...2/-

SOALAN PILIHAN

Pilih DUA soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut.

2. Proses pembentukan kelas dan pembentukan negara sangat penting dalam menganalisis fenomena-fenomena sosial di bawah. Pilih satu dari fenomena ini dan huraikan implikasinya setelah dua proses diambil kira. Beri contoh-contoh konkrit mengenai pengarang yang anda gunakan dalam analisis. Fenomena sosial yang anda boleh pilih adalah:

- [a] pengindustrian
- [b] pemusnahan alam sekitar
- [c] pembangunan desa
- [d] perancangan sosial dan ekonomi

[30 markah]

3. Huraikan sejarah perkembangan sosiologi pembangunan di Malaysia dan jelaskan tahap-tahap tertentu yang dilalui. Pilih seorang dari pengarang-pengarang berikut dan nilaikan sejauhmanakah ia digunakan dalam analisis mengenai pembangunan di Malaysia? Pengarang-pengarang itu adalah:

- [a] A.G. Frank
- [b] Samir Amin
- [c] I. Wallerstein
- [d] Henry Bernstein
- [e] Hamza Alavi

[30 markah]

4. Jelaskan aliran-aliran utama dalam pengajian sosiologi pembangunan mutakhir. Anda mesti menghuraikan kekuatan satu-satu aliran dan contoh-contoh pengarang dan buku yang terlibat.

Pilih satu aliran yang anda minati dan huraikan kelemahan-kelemahannya. Apakah implikasi aliran ini terhadap pemahaman kita mengenai pembangunan kapitalisme di Semenanjung Malaysia?

[30 markah]

...3/-

5. Apakah corak pembangunan kapitalisme yang sedang berlaku di Asia Barat sejak krisis minyak? Huraikan peranan Jepun dalam konteks perkembangan global ini.

Apakah implikasinya terhadap Malaysia terutama dari segi ekonomi-politik pengumpulan kapital dan buruh? Bolehkah perkembangan ini merealisasikan Wawasan 2020?

(30 markah)

- oo o0o oo -